

'Mengundi hari Rabu bukan ganjil'

Pemimpin beri reaksi berbeza isu tarikh PRU14

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Kritikan dilontarkan calon Perdana Menteri Pakatan Harapan (Harapan), Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan tindakan SPR menetapkan PRU14 jatuh pada hari Rabu sebagai tidak demokratik, sebenarnya tidak munasabah.

Yang Dipertua Pas Kawasan Kuala Langat, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, ketika negara di bawah pentadbiran Pengerusi

Harapan itu, pilihan raya pernah diadakan pada hari biasa.

Ahmad Yunus berkata, beliau mahu mengingatkan pengundi keluar mengundi seperti biasa dan memilih Pas pada PRU14 ini.

"Tolak Harapan dan BN kerana sistem yang digunakan kedua-duanya adalah sama.

"Pas akan membawa sistem yang lebih adil sekiranya diberi mandat mentadbir kerajaan nanti," katanya.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, reaksi dan komen pembangkang berhubung tarikh pilihan raya sudah boleh dijangka.

"Soal pengundian pada hari bekerja juga pernah berlaku ini bukan perkara baharu dan ganjil.

"Kenapa pada waktu itu



YUNUS



ABDULLAH SANI



SULAIMAN

kita boleh akur. Bagi saya kita tahu masa tu adalah hak SPR begitu juga dengan perempadanan semula, rakyat dah maklum dan faham," katanya.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid pula berkata, pemilihan tarikh itu pada mulanya menimbulkan perasaan marah dalam kalangan

an rakyat yang ingin keluar membuang undi.

Namun katanya, setelah mengetepikan semua masalah yang difikirkan menjadi batu penghalang, pengguna internet mula menyatakan kesanggupan mereka untuk pulang ke tempat mengundi masing-masing.

"Saya harap badan seperti SPR tidak diperalat pi-

mengundi, tidak kira sama ada dari dalam negara atau luar negara.

"Kesedaran ini timbul bahawa mengundi pada hari bekerja bukanlah halangan.

"Saya juga merayu kepada semua majikan supaya memberikan cuti tanpa rekod satu hari atau setengah hari supaya proses pendemokrasian negara ini dapat berjalan dengan baik," katanya.

Beliau mendakwa Hari Rabu ialah hari pertengahan minggu, semestinya menyukarkan pengundi yang bekerja dan bekerja di luar negara untuk pulang ke kampung halaman bagi membuat pilihan kerajaan.

hak tertentu bagi meneruskan kuasa mereka.

"SPR sepatutnya berkecuali dan tidak mengikut arahan sesiapa untuk kepentingan mana-mana pihak," katanya.

Beliau yang juga Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR berpendapat, rakyat sudah mula menyatakan kesanggupan pulang untuk

